

SUPPORT GROUP PROGRAM SIRI 1/2022: MY WORK VS MY FAMILY

Pada 2 Jun 2022, program Support Group Project (SGP) 2022 telah dijalankan di Bilik Sumber Pusat Kerjaya dan Kaunseling. Program ini bertujuan untuk menyediakan kelompok sokongan emosi dan psikologi sesama staf UiTM. Kelompok sokongan ini telah disertai oleh 8 orang yang terdiri daripada staf pentadbiran dan staf akademik dan dikendalikan oleh 2 orang Pegawai Psikologi.

Melalui aktiviti dalam kumpulan sokongan, warga UiTM juga dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran untuk diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari sama ada di tempat kerja atau di rumah.

Sesi pertemuan SGP bagi Tema 1 bertajuk 'My Work VS My Family' yang telah dijalankan membincangkan mengenai cabaran dan konflik yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari untuk memberi keseimbangan antara urusan kerja dan keluarga.

Melalui perkongsian sesama ahli kumpulan, pelbagai input dan kemahiran dapat diperolehi untuk diperaktikkan bagi meningkatkan prestasi kerja serta kebahagiaan keluarga.



AKTIVITI KELAB PKK SEPANJANG APRIL - JUN 2022



Kelab PKK telah menganjurkan beberapa aktiviti sepanjang bulan April hingga Jun 2022. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Majlis Doa Selamat Sambut Bulan Ramadhan pada 25 Mac 2022, Tazkirah Jumaat diadakan setiap minggu, Program Tadarus Al-Quran dan Program membuat juadah berbuka puasa diadakan sepanjang bulan ramadan.

Kelab PKK meneruskan aktiviti dengan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta Majlis Perpisahan Staf dan Hari Jadi Staf Jan-Mei 2022 yang telah diadakan pada 20 Mei 2022.



PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

03 - 5544 2630/2379/3211/3496
pkk@uitm.edu.my